

Tidak ada pemimpin yang kekal — PM

KUALA LUMPUR 6 Nov.

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak ahli-ahli dan pemimpin UMNO supaya insaf bahawa tidak ada pemimpin yang akan kekal walaupun semua orang mahu diri mereka terus berkuasa.

Katanya, seseorang pemimpin mungkin jatuh sebab tidak diperlukan lagi atau tamat kuasanya kerana meninggal dunia tetapi parti yang memperjuangkan nasib bangsa perlu kekal berkuasa sekali-pun selama 200 tahun.

Atas kesedaran ini, Dr. Mahathir berkata, perpecahan, krisis dan perbezaan pendapat yang mungkin berlaku dalam UMNO akibat pemilihan perlu dielakkan kerana parti yang berpecah akan melahirkan pemimpin-pemimpin bangsa yang lemah.

Bagaimanapun Perdana Menteri tetap yakin UMNO selepas Perhimpunan Agung kali ini tetap merupakan parti yang bersatu dan kukuh walaupun terdapat beberapa kelompok yang tidak senang dengan keputusan pemilihan parti.

Berucap menggulung perbincangan pada akhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini, Dr. Mahathir turut menyentuh ke-

dudukan dan masa depan beliau sebagai Presiden UMNO.

“Saya menang sebagai Presiden UMNO tanpa bertanding tetapi saya insaf mungkin ada pihak yang tidak setuju saya terus menjadi Presiden. Tak banyak, sikit... ini manusia.

“Sebab itulah saya mesti berhati-hati. Saya sedar saya tidak boleh tepuk dada dan terlalu bangga.

“Saya hanya akan terus berada di sini (menjadi Presiden) jika saya dapat berkhidmat secara yang diharapkan oleh ahli-ahli,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menambah, beliau akan terus berkhidmat sebagai pemimpin tertinggi UMNO sedaya upayanya.

Dalam ucapannya selama 55 minit itu, Dr. Mahathir menyentuh pelbagai perkara termasuk politik wang, soal bahasa, proses perubahan dalam parti dan negara, budaya kurang ajar serta nilai-nilai agama.

Mengenai budaya kurang ajar, Perdana Menteri berkata, tidak perlu bagi orang Melayu menjadi kurang ajar untuk berjaya dalam segenap bidang.

Katanya, falsafah bahawa orang Melayu perlu menjadi kurang ajar yang dipopularkan oleh bekas

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam satu masa dahulu tidak perlu dicontohi.

“Apa perlu berkurang ajar, itu bukan budaya kita. Tidak perlu biadab untuk mencapai kejayaan,” katanya mengulas isu yang ditimbulkan oleh salah seorang wakil Kelantan semasa berbahas dalam Perhimpunan Agung.

Ketika menyentuh isu bahasa Melayu, Dr. Mahathir berkata, bahasa itu akan berkembang dan dihormati jika bangsa Melayu menjadi sebuah bangsa yang maju.

Kemajuan sesebuah bangsa menentukan penghormatan orang asing terhadap bahasa ibundanya, kata beliau.

Semasa perhimpunan berlangsung selama tiga hari, tindakan-tindakan kerajaan Sabah di bawah pimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS) turut menjadi tumpuan perwakilan UMNO.

Mengulas isu itu, Perdana Menteri berkata, UMNO tidak pernah memusuhi penganut-penganut agama lain yang menguasai parti politik tersebut.

Katanya: “Kita memusuhi mereka kerana mereka memusuhi kita. Kita memusuhi orang yang pernah menikam kita dari belakang.”